



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 458 Jld 1/(37)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

*02 Disember 2021
27 Rabiulakhir 1443H*

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**MAJLIS PERJUMPAAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT) BERSAMA
JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB) 2021**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana kita sedia maklum, penularan pandemik Covid-19 dalam negara kita telah menyebabkan kerajaan mengumumkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang antaranya melibatkan larangan merentas negeri dan mengadakan perhimpunan. Namun begitu, setelah jumlah individu yang divaksin melebihi 90 peratus, maka pada 11 Oktober 2021 kerajaan telah membenarkan aktiviti rentas negeri dan perhimpunan diadakan di seluruh negara.

3. Sungguhpun aktiviti-aktiviti tersebut dibenarkan kerajaan, namun berdasarkan status semasa jangkitan harian Covid-19 yang tinggi iaitu melebihi 5,000 orang sehari serta kewujudan varian baru Covid-19 seperti varian Delta, Super Plus dan Omicron yang mana mungkin mampu menewaskan imuniti disediakan oleh vaksin, maka Lembaga memutuskan untuk menunda Majlis Perjumpaan LJT Bersama JTB 2021 kepada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

4. Selaras dengan keputusan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh mengambil lesen menjalankan amalan bagi tahun 2022 di Pejabat LJT, Aras 5 mulai **7 hingga 31 Disember 2021** dari pukul **8.30 pagi hingga 4.30 petang pada hari bekerja.**


5. Dalam hubungan ini, JTB dikehendaki hadir sendiri untuk mengambil lesen tersebut di mana elauan kehadiran hanya akan diberikan kepada mereka yang hadir sahaja. Elauan kehadiran akan dibayar melalui pindahan elektronik (EFT) ke dalam akaun peribadi JTB dan bagi melancarkan proses pembayaran, maka JTB yang hadir perlu mengemukakan **Borang Maklumat Akaun Bank** seperti di **Lampiran A** beserta **satu salinan penyata bank** kepada pihak LJT.

Sekian terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SR ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k. Timbalan Pengurus
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA
BORANG MAKLUMAT AKAUN BANK**

Sila lengkapkan dan hantar borang ini beserta dokumen yang diperlukan ke:
Seksyen Kewangan, Akaun & Harta
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
u/p: Pn Norezzaty / Cik Maisarah
Atau faks ke: **03-41085178**
Atau email ke: **deposit@ljt.org.my**

DOKUMEN DIPERLUKAN:

- Salinan penyata bank atau buku bank**
(bahagian yang menyatakan Nama Bank, Nama Pemegang Akaun dan Nombor Akaun sahaja)

BUTIRAN PENERIMA BAYARAN

JURUUKUR TANAH BERLESEN(JTB)

Sila tandakan ✓ dikotak yang berkenaan.

INDIVIDU

SYARIKAT

NAMA : _____
(JTB/INDIVIDU/SYARIKAT)

NO. KAD PENGENALAN /
NO. PENDAFTARAN SYARIKAT: _____

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

NO.TELEFON PEJABAT:

NO. TELEFON BIMBIT (H/P):

ALAMAT EMAIL:

NAMA PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGKU:
(JIKA ADA)

BUTIRAN BANK

NAMA AKAUN: _____

NOMBOR AKAUN BANK: _____

NAMA BANK: _____

CAWANGAN BANK: _____

Sila lampirkan salinan Penyata Bank atau Buku Bank.

Tandatangan: _____

Nama JTB/ Pemohon: _____

Cop JTB / Syarikat: _____

